

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA ULANGTAHUN KE-10 CELCOM**  
**DI PWTC, KUALA LUMPUR**  
**21 OGOS 1999**

-----

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Tajudin dan Celcom kerana menjemput saya ke Majlis Makan Malam Sempena Ulangtahun ke-10 Celcom pada malam ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua kakitangan Celcom di atas kejayaan mereka menyambut ulangtahun Celcom yang ke-10. Sesungguhnya kejayaan Celcom ini adalah satu lagi contoh kejayaan syarikat tempatan dan kejayaan usahawan melayu. Saya percaya saudara-saudari sedia maklum tentang Dasar Persyarikatan Malaysia atau Malaysia Incorporated yang diperkenalkan 17 tahun lalu. Saya percaya kejayaan Celcom juga adalah hasil dari dasar persyarikatan Malaysia ini di mana sektor awam dan sektor swasta bekerjasama erat dalam semangat perkongsian yang dinamik dan produktif.

3. Di atas semangat inilah sektor awam dan sektor swasta berjaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Hasilnya jelas dan nyata. Dengan kejayaan syarikat seperti Celcom dan syarikat-syarikat lain yang mewakili industri masing-masing, negara kita telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dan dengan pertumbuhan ekonomi ini jugalah rakyat Malaysia dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan sempurna.

4. Industri Telekomunikasi bukan sekadar menghubungkan antara satu individu ke individu yang lain. Telekomunikasi memainkan peranan yang lebih penting dan lebih bermakna, lebih-lebih lagi dalam proses industrialisasi negara. Maka itu, liberalisasi industri telekomunikasi diharap boleh meningkatkan kecekapan sekaligus membantu mempercepatkan proses industrialisasi. Di sini saya mengucapkan syabas sekali lagi kepada Celcom kerana telah secara langsung menyumbang kepada proses industrialisasi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Apabila kerajaan melancarkan Polisi Telekomunikasi Negara pada tahun 1994, ianya bertujuan untuk memastikan agar: -

- Terdapat cukup infrastruktur telekomunikasi bagi menyokong proses industrialisasi.
- Perkhidmatan telekomunikasi ke- kawasan bandar dan luar bandar dapat diberi dengan harga berpatutan.
- Menjadikan Malaysia sebagai Pusat Telekomunikasi Antarabangsa atau International Telecommunications Hub.
- Memastikan perkembangan sektor industri pembuatan barangan telekomunikasi.

6. Saya ingin mengingatkan syarikat-syarikat telekomunikasi tempatan bahawa mereka mempunyai tanggungjawab besar kepada negara dan rakyat

keseluruhannya. Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi ke kawasan-kawasan luar bandar umpamanya harus sentiasa dipertingkatkan. Saya dimaklumkan bahawa penggunaan telefon selular masih mengalami kesulitan terutama di kawasan-kawasan tertentu dan juga pada waktu-waktu sibuk. Oleh itu usaha hendaklah diambil untuk meningkatkan mutu perkhidmatan. Kualiti perkhidmatan adalah penting dan tidak ada maknanya jika kita mempunyai pelanggan yang besar jumlahnya tetapi pengguna perkhidmatan ini masih merungut kerana mutu perkhidmatan yang kurang memuaskan. Bagi kerajaan apabila ia menggubal sesuatu dasar atau merancang sesuatu pembangunan, ia dibuat dengan seimbang, iaitu memberi manfaat kepada semua peringkat masyarakat, tidak kira di bandar ataupun luar bandar. Saya berharap syarikat telekomunikasi kita juga tidak lupa dari segi tanggungjawab sosial, yang sewajarnya juga diberikan perhatian, terutama pada penduduk di luar bandar.

7. Pada waktu yang sama Celcom dan syarikat-syarikat lain telah juga mengembangkan sayap mereka ke luar negara. Kita tentunya mengalu-alukan keberanian dan keupayaan syarikat-syarikat ini. Dalam dunia tanpa sempadan ini tentunya kita tidak boleh mengelak dari melibatkan diri dalam pasaran global. Adalah diharapkan Celcom dan syarikat-syarikat lain akan terus mengembangkan sayap mereka ke lebih banyak negara luar disamping mengharumkan nama negara di mata dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Teknologi membawa kepada sebarang kemungkinan. Apa yang dianggap pelik satu abad yang lalu kini sudah menjadi satu kebiasaan. Begitu juga dengan perkembangan Industri Telekomunikasi. Alat-alat telekomunikasi yang canggih telah menjadikan dunia semakin kecil. Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai wawasan untuk berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju yang lain menyedari tentang pentingnya kita menguasai teknologi tinggi baik dalam Industri Telekomunikasi atau di industri-industri yang lain.

9. Oleh itu, syarikat-syarikat telekomunikasi harus sentiasa meningkatkan kemahiran sumber manusia mereka dalam usaha menguasai teknologi ini. Pada masa ini dengan meluasnya penggunaan multi-media, value-added services dan sebagainya, keupayaan untuk menguasai teknologi tinggi ini lebih mendesak lagi. Hanya dengan penguasaan teknologi inilah kita akan dapat mengharungi dunia yang lebih mencabar di alaf baru nanti.

10. Mereka yang terlibat di dalam Industri Telekomunikasi seharusnya menjadi penggerak dalam menentukan arah tuju Industri Telekomunikasi negara. Di pihak kerajaan pula kita akan sentiasa memberi pandangan dan membantu syarikat-syarikat telekomunikasi tempatan khususnya untuk berkembang dalam suasana pelaburan yang sesuai atau "conductive".

11. Kerjasama semua pihak adalah penting dalam mencapai segala objektif kita. Setiap dari kita mempunyai tanggungjawab masing-masing. Marilah kita sama-sama bertekad agar kerjasama ini diteruskan serta usaha dilipat-gandakan. Insyaallah dengan kerjasama dan usaha ini kita akan dapat membina negara Malaysia yang lebih maju dan bermartabat tinggi.

Terima kasih.